

HASiL/2026/08/31 – 45

**HASiL SEMARAK SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-69,  
MALAYSIA MADANI: KESEJAHTERAAN DINIKMATI**

**CYBERJAYA, 31 OGOS 2026** – Semangat kemerdekaan bukan sekadar diterjemahkan melalui kibaran Jalur Gemilang, sebaliknya dizahirkan menerusi kesediaan setiap rakyat melaksanakan tanggungjawab masing-masing demi memastikan kemajuan dan kesejahteraan negara terus dipelihara.

Bersempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-69, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) tampil menyertai perarakan Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya sebagai tanda komitmen warga HASiL dalam menggalas amanah sebagai pentadbir cukai langsung negara.

Penyertaan Kontinjen HASiL yang menghimpunkan 47 orang pegawai bukan sekadar mencerminkan semangat patriotisme warga kerja HASiL, malah membawa mesej bahawa pelaksanaan tanggungjawab percukaian merupakan sebahagian daripada sumbangan bersama dalam membangunkan negara dan memelihara kesejahteraan rakyat.

Sebagai agensi yang diamanahkan mengurus pentadbiran cukai langsung negara, HASiL terus memainkan peranan dalam memastikan kutipan hasil dilaksanakan

secara adil, cekap dan berintegriti, seterusnya menyokong keupayaan Kerajaan membiayai pembangunan serta penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang memberi manfaat kepada rakyat.

Penghayatan terhadap erti kemerdekaan turut diterjemahkan melalui komitmen HASiL untuk mendekati masyarakat dan meningkatkan kefahaman mengenai tanggungjawab percukaian. Pendekatan ini penting bagi membina kesedaran bahawa pematuhan cukai bukan sekadar suatu kewajipan, tetapi tanggungjawab bersama dalam memastikan pembangunan negara dapat diteruskan dan kesejahteraan rakyat diperkukuh.

Selaras dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026, “Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati”, HASiL melihat kesejahteraan yang dinikmati rakyat sebagai hasil daripada usaha bersama seluruh lapisan masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara.

Sehubungan dengan itu, HASiL akan terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan percukaian yang mudah, telus dan responsif bagi meningkatkan pengalaman pembayar cukai, di samping memupuk budaya pematuhan secara sukarela demi membina sistem percukaian yang mampan.

Kemerdekaan memberikan kita ruang untuk menentukan masa depan negara. Tanggungjawab kita pula adalah memastikan kebebasan tersebut disusuli usaha membina sebuah Malaysia yang kukuh ekonominya, sejahtera rakyatnya dan mampan pembangunannya.

Dalam semangat Hari Kebangsaan ini, HASiL menyeru seluruh rakyat Malaysia agar bersama-sama menghayati erti kemerdekaan dengan melaksanakan tanggungjawab masing-masing demi sebuah negara yang terus maju, stabil dan makmur untuk generasi akan datang.

Selamat Hari Kebangsaan ke-69.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

MEMACU EKOSISTEM  
**CUKAI PINTAR**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Khidmat Korporat**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 31 Ogos 2026**

LAMPIRAN



Kontinjen HASiL menyempurnakan sesi perarakan Sambutan Hari Kebangsaan ke-69 di Dataran Putrajaya.



Kontinjen HASiL bergambar kenang-kenangan bersama-sama seusai program hari ini.